



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web: www.mof.gov.my

MOF.DS(S)600-40/3/3(43)

29 Disember 2022

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Jabatan Persekutuan**

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023 KEPADA INDIVIDU
*CONTRACT FOR SERVICE***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan melalui Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022, telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2023 sebanyak RM700.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah. Selaras dengan keputusan tersebut, Kerajaan bersetuju untuk memanjangkan BKK Tahun 2023 sebanyak RM700.00 kepada individu *Contract For Service* (CFS) dengan kaedah pelaksanaan bayaran seperti berikut:

- (i) BKK Tahun 2023 dibayar kepada individu lantikan CFS setara gred 56 dan ke bawah; dan
- (ii) BKK Tahun 2023 dibayar kepada individu CFS yang telah berkhidmat selama sekurang-sekurangnya enam (6) bulan pada tahun 2022 dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023.

3. Selain itu, pesara Perkhidmatan Awam dan veteran yang dilantik semula secara CFS dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023 pada kadar RM700.00. Pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya sebanyak RM350.00 akan dibayar oleh jabatan di mana individu CFS sedang berkhidmat.
4. Individu CFS yang meninggal dunia pada 17 Januari 2023 layak diberi BKK Tahun 2023 sebanyak RM700.00.
5. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada:
 - (i) Individu CFS yang ditamatkan kontrak perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023; dan
 - (ii) Individu CFS yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023.
6. BKK Tahun 2023 akan dibayar pada **17 Januari 2023** di bawah tanggungan Kementerian/ Jabatan di mana individu CFS berkhidmat pada tarikh pembayaran.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Tel: 03-8882 3302

Emel: johan.merican@mof.gov.my

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia